



NEWSLETTER

NEGERI KELANTAN DARUL NAIM

Pengenalan

Kelantan yang dikenali sebagai Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan Serambi Mekah pada masa dahulu adalah berasal daripada perkataan “kilatan” atau “kelam hutan” atau “gelam hutan” (*Melaleuca Leucadendron*). Negeri ini merupakan salah sebuah negeri yang tertua di Semenanjung Malaysia dan dipercayai telah diduduki sejak zaman prasejarah lagi dengan penemuan barang purba seperti kapak batu dan bahan-bahan tembikar di Gua Cha, di tebing barat Sungai Nenggiri. Kelantan pada awalnya diperintah oleh raja perempuan pertama bergelar “Seri Maharaja Puteri” iaitu Cik Siti Wan Kembang, diikuti oleh Puteri Saadung (anak angkat Cik Siti Wan Kembang) dan raja-raja seterusnya.



Kelantan yang mempunyai keluasan 15,040km² adalah terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan Thailand di sebelah Utara. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi Negeri Kelantan dengan nilai RM16.7billion diikuti dengan sektor pertanian yang menyumbang RM5.4billion kepada KDNK negeri pada tahun 2018. Negeri ini mempunyai 11 jajahan merangkumi Jajahan Bachok, Kota Bharu (Ibu Negeri), Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat, Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Kecil Lojing.

Faktor persempadanan Negeri Kelantan dengan Negara Thailand menyebabkan banyak aspek kebudayaan dan corak hidup negara berkenaan mempengaruhi masyarakat di Negeri Kelantan, termasuklah loghat pertuturan, makanan, pakaian dan sebagainya.



Kelantan turut kaya dengan khazanah warisan bangsa yang tak lapuk di hujan dan tak lekang dek panas. Permainan hiburan tradisional rakyat iaitu dikir barat, wayang kulit, gasing, wau bulan, kertok dan rebana ubi serta seni ukiran kayu, pertukangan perak, batik dan songket terus utuh dan mampu menjadi tarikan pelancong sepanjang zaman.



Penduduk dan Isi Rumah


Evolusi Penduduk

Bilangan Isi Rumah



Jumlah penduduk Negeri Kelantan dianggarkan meningkat melebihi 2 kali ganda dari 707.30 ribu orang pada tahun 1970 kepada 1906.70 ribu orang pada tahun 2020. Bilangan penduduk perempuan melebihi lelaki sejak tahun 1970-2001 (1970: Lelaki = 351.3 ribu, Perempuan = 356.0 ribu), walau bagaimanapun bilangan penduduk lelaki telah mengatasi bilangan penduduk perempuan bermula pada tahun 2003-2020^e (2020^e: Lelaki = 963.9 ribu, Perempuan = 942.8 ribu). Nisbah jantina adalah 99 lelaki per 100 wanita pada tahun 1970, berbanding 102 lelaki per 100 wanita pada tahun 2020. Manakala kadar pertumbuhan penduduk yang tertinggi adalah pada tahun 1991, iaitu 3.3%, namun begitu kadar tersebut terus menurun sehingga tahun 2020^e kepada 1.2%.


Struktur dan Piramid Penduduk



Piramid penduduk Negeri Kelantan berbentuk progresif pada tahun 2010 dan dijangka kekal sehingga tahun 2040. Piramid progresif menggambarkan kadar kelahiran yang tinggi, manakala kadar kematian bayi pula adalah rendah. Jumlah penduduk muda yang ramai akan menjadi aset bagi tenaga buruh pada masa akan datang manakala jangka hayat bagi warga emas dianggarkan semakin meningkat pada tahun 2040.

Peratus Penduduk Mengikut Kumpulan Umur

Peratusan penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) semakin menurun dari 34.0% pada tahun 2010 kepada 29.6% pada tahun 2020. Keadaan sebaliknya berlaku bagi penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja), di mana peratusannya semakin meningkat dari 60.5% pada tahun 2010 kepada 63.8%. Begitu juga bagi penduduk berumur 65 tahun dan lebih yang turut meningkat dari 5.5% kepada 6.6% dalam tempoh yang sama. Situasi ini menggambarkan jangkaan hayat warga tua yang semakin meningkat disebabkan oleh keberkesanan peningkatan taraf kesihatan yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Umur Penengah




Peningkatan umur penengah dari 22.3 pada tahun 2010 ke 25.3 pada tahun 2020 didorong oleh peningkatan komposisi penduduk umur bekerja dan umur tua.

Kadar Kelahiran Kasar (CBR)¹

- ✓ CBR lelaki adalah melebihi perempuan iaitu 21.3% berbanding 20.0%.
- ✓ CBR tertinggi adalah di Jajahan Pasir Puteh, iaitu 22.9%.

Kelahiran dan Kematian



Kadar Kematian Kasar (CDR)¹

- ✓ CDR lelaki adalah melebihi perempuan iaitu 6.7% berbanding 5.4%.
- ✓ CDR tertinggi adalah di Jajahan Pasir Puteh, iaitu 7.3%.

Kadar Kesuburan Jumlah (TFR)²

- ✓ TFR Negeri Kelantan yang mencatatkan nilai 3.0% pada tahun 2018 masih berada di atas paras penggantian 2.1. Ini menunjukkan bahawa purata bilangan bayi oleh seorang wanita sepanjang tempoh kesuburannya mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya.

Kesuburan dan Jangka Hayat

2020^e: 72.8
2019^p: 72.6

Jangkaan Hayat

- ✓ Jangkaan Hayat Ketika Lahir bagi lelaki lebih rendah daripada perempuan, iaitu masing-masing 69.6 tahun dan 76.2 tahun (jurang perbezaan jangka hayat ialah 6.6 tahun) pada tahun 2020.
- ✓ Seorang lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup selama 55.5 tahun lagi dan perempuan selama 62.0 tahun lagi.


- ✓ Purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama juga semakin meningkat dari 27.5 pada tahun 2017 kepada 27.6 pada tahun 2018.

Nota:

- 1 Kadar adalah bagi setiap 1,000 penduduk
 - 2 Kadar adalah bagi setiap 1,000 perempuan yang berumur 15-49 tahun
- P Permulaan
e Anggaran




Evolusi Urbanisasi




Bilangan penduduk di luar bandar melebihi penduduk di bandar pada tahun 2010-2018. Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku bermula pada tahun 2019, di mana bilangan penduduk bandar telah melebihi penduduk luar bandar, iaitu masing-masing 972.5 ribu orang dan 949.3 ribu orang. Kadar ini terus meningkat kepada 1,010.1 ribu orang pada tahun 2020 seiring dengan pembangunan negara.

Migrasi Penduduk



➤ Sebahagian besar migran masuk ke Kelantan berasal dari Selangor (3,600 orang) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,900) orang pada tahun 2018.




Warga Tua dan Penuaan

60 tahun dan lebih



65 tahun dan lebih



Berdasarkan kriteria *United Nations*, Kelantan akan menjadi negeri menua pada tahun 2023 apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 7% daripada jumlah penduduk.


Nota:

1 Tidak termasuk migrasi dari Malaysia ke negara lain

2 Menunjukkan bilangan penduduk yang bertambah bagi setiap 100 orang migrasi kasar e Anggaran



Perumahan



Bilangan Stok Unit Kediaman Sedia Ada Mengikut Jenis, 2019^P

- ### 2019
- Bilangan TK - 402.1 ribu
 - Bilangan penawaran TK akan datang - 11,917
 - Bilangan penawaran TK yang dirancang - 4,055
 - TK Dimiliki IR - 84.7%
 - TK Disewa IR - 12.1%
 - Kuarters Didiami IR - 3.2%

	Sesebuah	Berkembar	Teres	Kelompok	Kos Rendah	Flat Kos Rendah	Rumah Pangsa	Pangsapuri/ Kondominium	
Bachok	562	346	2,294	168	642	0	0	0	4,012
Kota Bharu	6,407	1,488	10,946	0	10,890	871	181	3,095	33,878
Machang	753	192	2,448	4	3,212	0	0	0	6,609
Pasir Mas	1,244	285	4,320	0	527	0	0	0	6,376
Pasir Puteh	836	130	1,521	0	1,324	0	0	0	3,811
Tanah Merah	1,663	184	3,123	0	2,531	0	0	0	7,501
Tumpat	759	736	4,084	0	1,370	0	0	0	6,949
Gua Musang	783	560	2,078	0	940	0	1,000	0	5,361
Kuala Krai	158	124	2,100	0	3,806	0	40	0	6,228
Jeli	6	0	441	0	1,732	0	0	0	2,179
Kelantan	13,171	4,045	33,355	172	26,974	871	1,221	3,095	82,904


Rumah teres merupakan stok sedia ada paling tinggi di Negeri Kelantan, diikuti dengan rumah kos rendah dan rumah sesebuah.

Nota:
 1 Bilangan penawaran tempat kediaman akan datang
 2 Bilangan penawaran tempat kediaman yang dirancang p - Permulaan TK - Tempat Kediaman IR - Isi Rumah



Guna Tenaga


Tenaga Buruh



Tenaga Buruh Mengikut Pencapaian Pendidikan, 2019




Bilangan Tenaga Buruh




Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)

KPTB Mengikut Kumpulan Umur, 2019




Bilangan Penduduk Bekerja




Kadar Pengangguran

Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor, 2019




Guna Tenaga Mengikut Gender



Pengangguran, 2019

Kadar Pengangguran kekal sama pada tahun 2019 dan 2018, iaitu 4.0%. Manakala kadar pengangguran siswazah meningkat 1.0 mata peratus dari tahun 2018 kepada 7.0% pada tahun 2019.

Statistik Utama Guna Tenaga Mengikut Gender, 2019




Pekerja wanita mendominasi 4 kategori pekerjaan berbanding pekerja lelaki iaitu profesional (4.3%), juruteknik dan profesional bersekutu (3.4%), pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan (10.4%) dan pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan (7.5%) pada tahun 2019.

Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah

Pendapatan isi rumah merujuk kepada penerimaan, sama ada bersifat kewangan atau mata benda yang diperolehi secara berulang kali dan terakru (pasti diterima) sama ada secara mingguan, bulanan atau tahunan dan boleh digunakan untuk memenuhi keperluan semasa. Dalam konteks ini, jumlah penerima pendapatan di Kelantan secara purata adalah 1.8 orang pada tahun 2019. Isi rumah dengan seorang penerima pendapatan merekodkan peratusan komposisi terbesar dengan 45.7 peratus


PENDAPATAN PURATA (RM) 1970-2016




Pada tahun 2019, pendapatan purata di Kelantan adalah RM4,874 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus setahun berbanding 6.3 peratus pada tahun 2016. Kota Bharu merekodkan pendapatan isi rumah bulanan purata tertinggi (RM5,577). Manakala, sepuluh daerah pentadbiran lain merekodkan pendapatan bulanan purata di bawah paras negeri iaitu RM4,874.

PENDAPATAN PENENGAH (RM) 1995-2016

Pendapatan penengah Kelantan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM3,563 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus setahun. Daerah Kota Bharu mencatatkan pendapatan penengah tertinggi iaitu RM4,171 diikuti dengan Machang (RM3,708) dan Bachok (RM3,621).



PEKALI GINI KELANTAN



PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)


PGK Kelantan 2016 adalah RM2,054

PGK Kelantan 2019 adalah RM2,139


PGK ditakrifkan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. Pada tahun 2019, nilai PGK bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Berdasarkan metodologi 2019 ini, nilai purata PGK di Kelantan ialah RM2,139 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,181 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 4.4 orang.

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH


Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama, 2019



Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Daerah Pentadbiran, 2019



Lima Barangan Popular mengikut Peratusan Tertinggi Isi Rumah Berbelanja, 2019



Kadar Literasi

(15-24 tahun)

Wanita
2017: 98.5%
2018: 98.2%

Lelaki
2017: 98.0%
2018: 97.1%




(15-64 tahun)

Wanita
2017: 94.9%
2018: 95.6%

Lelaki
2017: 96.3%
2018: 96.0%

Kadar Literasi bagi wanita dan Lelaki sedikit menurun pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Penurunan berlaku bagi kedua-dua kumpulan umur 15-24 dan 15-64 tahun, kecuali bagi wania dalam kumpulan umur 15-64 tahun meningkat sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2018.

Bilangan Sekolah, Guru dan Murid (Kerajaan), 2018




Bilangan Sekolah, Guru dan Murid (Swasta), 2018

	Bilangan Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Murid
Sekolah rendah	6	159	2,025
Sekolah Menengah	6	69	546
Pendidikan Khas	1	7	114
Sekolah Antarabangsa	2	34	263

Bilangan Pelajar dan Institut Pengajian Tinggi 2018

Institut Pengajian Tinggi	Bilangan Staff	Bilangan Pelajar
Universiti Malaysia Kelantan	541	8,953
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	8,659	172,686
Politeknik Jeli	74	1,130
Politeknik Kota Bharu	417	5,223
Institut Pendidikan Guru	132	164
Kolej Komuniti Jeli	20	207
Kolej Komuniti Pasir Mas	21	130
Kolej Komuniti Tanah Merah	0	130
Kolej Komuniti Rantau Panjang	0	25
Kolej Komuniti Kok Lanas	22	366
JUMLAH	9,886	189,014

Bilangan Hospital dan Klinik, 2018



Bilangan Doktor dan Jururawat, 2018



Bil. Doktor: 2,453
Bil. Doktor Gigi^e: 603
Bil. Doktor Kerajaan^h: 2,686
Bil. Doktor Swasta: 370



Bil. Jururawat: 5,410
Bil. Jururawat Masyarakat: 1,682
Bil. Jururawat Kerajaan: 6,398
Bil. Jururawat Swasta: 694

Sebab-sebab Kematian, 2018

